

MT UMNO syor singkir USNO

13 APR 1993

KUALA LUMPUR 12 April — Majlis Tertinggi UMNO yang bermesyuarat hari ini memutuskan supaya USNO disingkirkan daripada Barisan Nasional (BN) berikutan tindakan parti itu menyertai kerajaan campuran dengan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan demikian berkata, resolusi mengenai syor itu akan diedarkan menerusi satu pekeliling kepada anggota parti komponen BN.

Menurut beliau, resolusi itu telah ditandatangani oleh Timbalan Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba yang juga Setiausaha Agung BN untuk diserahkan kepada partikomponen yang lain dengan serta merta.

Bercakap kepada para pemberita selepas mesyuarat tersebut petang ini, Dr. Mahathir berkata, apa yang pasti sekarang UMNO bertindak cepat dalam usahanya menyingkirkan USNO.

Pengerusi BN itu menambah, menerusi pekeliling itu, BN tidak perlu mengadakan mesyuarat tertingginya bagi membuat keputusan.

"Parti-parti komponen hanya perlu memberikan jawapan sama ada berse-

tuju atau tidak," jelas beliau.

Dengan keputusan UMNO ini, sudah pasti BN akan mengambil pendirian yang sama memandangkan rata-rata partiparti komponen sebelum ini mendesak supaya USNO disingkirkan.

Segala-galanya bermula minggu lalu apabila Presiden USNO, Datu Amir Kahar Tun Datu Mustapha membawa parti itu menyertai kerajaan campuran dengan PBS, yang kini memerintah Sabah.

Kemarahan

Tindakan beliau dan beberapa pemimpin parti itu telah menimbulkan kemarahan BN kerana sebelum ini, Amir Kahar sendiri memberi jaminan bahawa USNO tidak akan berbuat demikian untuk menjaga muafakat dalam BN.

Menjawab satu pertanyaannya, Dr. Mahathir menegaskan, sukar untuk diramal sama ada penyingkiran USNO bersifat sementara atau kekal.

"Ini kerana ia (USNO) biasa keluar masuk," katanya.

Kepada satu lagi soalan, beliau tidak pasti di bawah bab apakah nanti kes penyingkiran USNO akan dirujukkan dalam Perlembagaan BN.

Mengenai Amir Kahar, beliau sekalilagi menyelar Presiden USNO itu kerana bertindak seperti 'katak' kerana melompat ke parti lain hanya untuk kepentingan politik diri.

Mesyuarat tersebut juga meluluskan perlantikan Timbalan Ketua Wanita UMNO Sabah, Kolnah Ghanisebagai Pemangku Ketua Wanita UMNO Sabah, menggantikan Aminah Ambrose, istri Amir Kahar yang dilucutkan keahliannya.

Mengenai kemungkinan membolehkan rakyat keturunan Portugis menyertai UMNO, Dr. Mahathir berkata, Majlis Tertinggi UMNO belum selesai membuat kajian berkenaan status sama adagolongan itu daripada rumpun bumiputera.

Selain itu, kata beliau, mesyuarat petang ini bersejua mencemburkan yuran keahlian diserahkan terus kepada bahagian jika tidak diterima oleh peringkat cwanangan.

Sementara itu, Ghafar ketika ditemui selepas mesyuarat itu berkata, Majlis Tertinggi BN hanya memerlukan kelulusan majoriti dalam mengambil keputusan menyingkirkan USNO dan bukan secara sebulat suara.